



ڤلیتا بروند

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

KELUARAN RABU, 22 FEBRUARI 2023, 1 SYAABAN 1444

Keluaran Khas Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-

39

tahan



منجایاکن واوسن نگار
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Memperkuuh sinar Islam di Negara Brunei Darussalam

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) menyambut Hari Kebangsaan yang Ke-39 pada tahun ini. Banyak cabaran dan perubahan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memastikan tahap kualiti kehidupan bagi rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa pada tahap yang terbaik. Dari aspek ekonomi, keagamaan, kebudayaan, pendidikan dan pembangunan selaras dengan perkembangan semasa. COVID-19 yang telah melanda dunia pada tahun 2020 telah mengubah landskap kehidupan orang ramai.

Alhamdulillah, kita selaku rakyat dan penduduk Islam di NBD tercinta ini sememangnya beruntung kerana sinar Islam di negara kita sentiasa diperhalusi dari semasa ke semasa dengan beberapa perkara dikembangkan. Ini berikutan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1443H / 2022M antara lain betitah :

"Ada dua motif sambutan ini diadakan, pertama sebagai memperingati detik bersejarah turunnya Al-Quran itu sendiri kepada Nabi dan Rasul akhir zaman, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dan kedua untuk mengulang-ulang pengenalan dan pemahaman kita terhadap Kitab Suci Al-Quran sebagai ianya suluh atau pedoman untuk kita di dunia ini. Kita

jangan sekali-kali lupa, bahawa Al-Quran adalah penunjuk jalan yang paling lurus untuk diikuti, dan bahkan sebagai penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. Kerana itu Al-Quran mustahak dibaca dan difahami segala pengajarannya. Bagi kita yang melakukan ini, tidak diragukan lagi akan beroleh petunjuk dan keberkatan daripadanya". Justeru itu, membaca dan memahami Al-Quran itu mustahak supaya sinar Islam terus bertapak dan berkembang di NBD.

Pendidikan Ugama Wajib

Pendidikan Ugama Wajib dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013 untuk memastikan rakyat dan penduduk di NBD memahami ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Setiap ibu bapa perlu memastikan jika anak mereka yang berumur wajib bersekolah ugama pada 1 Januari dalam tahun bersekolah semasa (2013), memastikan bahawa anaknya itu didaftarkan sebagai seorang murid di sebuah sekolah ugama pada tahun itu dan terus menjadi seorang murid bagi tempoh Pendidikan Ugama Wajib. Keperluan Pendidikan Ugama Wajib ini berdasarkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22 Bagi Tahun 1433H / 2012M :

"Dengan berjalannya undang-undang ini, insyaaAllah, tidaklah akan ada lagi kanak-kanak Islam di negara ini yang akan tercicir dari memahami dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam. Tidak akan ada lagi orang yang tidak pandai sembahyang dan membaca Al-Quran".

Pendidikan Ugama Wajib ini untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran ugama Islam. Ia juga dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu umum dan keugamaan. Dengan adanya Pendidikan Ugama Wajib ini ia mengutamakan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran, juga memperkuuh penghayatan berugama dalam kalangan pelajar dan

pengajar.

Maqasid Syariah dalam pengurusan dan pentadbiran

Pengukuhan Maqasid Syariah dalam pengurusan dan pentadbiran di NBD telah diperkenalkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Rancangan Strategik 2020 - 2024. Maqasid Syariah mengutamakan menjaga dan pemeliharaan terhadap lima perkara penting dalam kehidupan manusia iaitu, ugama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ia juga berperanan dalam penerapan, penekanan serta pembudayaan prinsip Maqasid Syariah di setiap pengurusan dan pentadbiran di negara ini. Sebagaimana titah baginda sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD kali Ke-34, Tahun 2018, antaranya baginda bertitah "Sebagai sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan 'Maqasid Syar'iah' adalah menjadi pra-syarat kepada kejayaan negara. Pengukuhan ini penting, sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan". Setiap agensi kerajaan dan swasta berfungsi menjadikan Maqasid Syariah sebagai satu sistem dalam pengurusan dan pentadbiran.

Perkembangan institusi masjid di NBD

Terbinanya masjid di NBD adalah untuk mengembangkan syiar Islam. Lebih 150 buah masjid telah dan sedang dibangunkan di seluruh negara. Dalam pada itu, pembinaan masjid-masjid bukan sahaja tertumpu kepada peruntukan kerajaan, akan tetapi ia dikembangkan dengan pemotongan gaji-gaji penjawat awam, GLC (Governement Link Companies) dan pembukaan tabung-tabung dana pembinaan masjid. Sumbangan ini juga boleh dibuat melalui pemotongan wang melalui arahan tetap kepada bank ke atas akaun penyumbang (Standing Order Contributions). Sumbangan Wang Ringgit melalui kemasukan terus ke Akaun Tabung Dana Pembinaan Masjid (Direct Walk-in Contributions) menyerahkan sumbangan



منجايان واؤسن نگارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Oleh : Haji Fathi Foad
Dato Seri Setia Haji Abu Bakar
Foto : Jabatan Penerangan

terus di Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Inisiatif ini adalah bagi sama-sama meraih pahala yang berlipat ganda. Perkara ini dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1436H / 2015M pada 11 Rejab 1436 bersamaan 30 April 2015 yang antara titah baginda :

"Sukacita memaklumkan di sini bahawa beta telah pun memperkenankan Penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid dengan mengikut kaedah dan peraturan yang diperuntukkan mengenainya. Tabung Dana ini akan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala kerana membina masjid, ia akan berlaku secara konsisten sebagai satu peluang keemasan saham di akhirat, saham itu sifatnya unik sehingga tidak terjangkau oleh akal, Manakala Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya "Barang siapa membina masjid kerana Allah sekali pun hanya seperti sarang burung, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam Syurga".

Setakat tahun 2023, sebanyak tujuh projek pembinaan dan pemberian masjid telah dilaksanakan melalui Tabung Dana Pembinaan Masjid.

Penutup

Sebagai rakyat dan penduduk NBD, adalah menjadi kewajipan kepada kita untuk mempertahankan syiar Islam supaya ia sentiasa bersinar. Bermula dengan memantapkan keimanan melalui Pendidikan Ugama Wajib. Tidak hanya pendidikan menjadi keutamaan, akan tetapi institusi masjid juga berperanan untuk kita pertahankan. Islam bukan hanya sebagai kewajipan tetapi juga keperluan dan selain itu pengukuhan Maqasid Syariah akan memperkenalkan keutamaan Islam dan relevansinya untuk semua zaman dan tempat malah mampu meningkatkan kualiti kehidupan serta kualiti keberagamaan / keberislaman. Sebagai sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan 'Maqasid Syar'iah' adalah menjadi pra-syarat kepada kejayaan negara. Pengukuhan ini penting, sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan.

39
tauhun





Kesihatan rakyat membawa kemakmuran kepada negara

Dalam bawah pemerintahan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memiliki sifat keprihatinan, pemedulian dan sentiasa mengambil perhatian berat akan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Dalam keadaan negara menghadapi cabaran ekonomi global yang tidak menentu dan dilanda oleh gelombang COVID-19 dalam dua tahun kebelakangan ini, sektor penjagaan kesihatan juga sewajarnya mempunyai peranan penting dalam menangani kemelut ini.

Kemajuan sesebuah negara itu juga sebenarnya bukan sahaja perlu diukur dari segi faktor ekonomi, bahkan perlu meliputi pelbagai aspek seperti sosial, kebudayaan, kesihatan dan alam sekitar. Oleh itu, adalah penting bagi sektor penjagaan kesihatan memainkan peranan signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan, kestabilan dan kedayatahanan sosioekonomi negara.

Dalam hubungan ini, masyarakat seharusnya memastikan kesihatan akan menjadi keutamaan dalam semua aspek kehidupan baik dari segi pemakanan, pendidikan, pekerjaan, pergaulan dan sebagainya. Oleh itu, semua individu dan keluarga mempunyai peluang untuk membuat pilihan yang membawa kepada gaya hidup sihat.

Selain itu, setiap lapisan masyarakat hendaklah mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan tanpa mengira taraf sosial dan demografi. Dalam perkara ini, setiap insan hendaklah bersama-sama berganding bahu dalam meningkatkan kesedaran tentang langkah-langkah pencegahan penyakit dan promosi kesihatan agar semua di negara ini bertanggungjawab atas kesihatan masing-masing.

Kurangkan beban Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCDs)

NCDs seperti penyakit jantung, kanker, diabetes dan strok merupakan punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Oleh yang demikian, langkah pencegahan faktor risiko yang berkaitan seperti pemakanan yang tidak sihat, kurang melakukan kegiatan fizikal dan merokok adalah perlu bagi mengelakkan daripada peningkatan NCDs.

Dalam hal ini, untuk mengurangkan beban ke atas NCDs tersebut, Kementerian Kesihatan akan terus komited dan bekerjasama bersama semua pihak berkepentingan secara pendekatan 'Whole of Nation' dan juga masyarakat dalam pengukuhan pencegahan, pengurusan dan rawatan NCDs di NBD.

Sebagai usaha ke arah meningkatkan langkah-langkah mencegah dan mengawal NCDs, Kementerian Kesihatan telah menghasilkan 'Multisectoral Action Plan for The Prevention and Control of Noncommunicable Diseases (BruMAP-NCD) 2021 - 2025'.

Penghasilan BruMAP-NCD 2021 - 2025 tersebut akan menjadi panduan hala tuju ke arah mencapai sasaran pencegahan dan pengawalan NCDs di peringkat negara maupun global.

Perkara ini adalah seperti yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang juga sebahagian daripada sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs), di bawah SDG 3.4, iaitu mengurangkan sebanyak satu pertiga kematian pramatang berkaitan NCDs melalui pencegahan dan rawatan, menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan.

BruMAP-NCD 2021 - 2025 turut menyokong pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, dalam memastikan kualiti hidup yang tinggi bagi semua rakyat NBD, seterusnya mengambil kira kepada tindakan yang berkesan dalam menangani beban NCDs yang banyak memfokuskan kepada keterlibatan juga kerjasama daripada pihak berkepentingan, agensi kerajaan, swasta, akar umbi, masyarakat dan seluruh penduduk NBD untuk bersama-sama mendukung dalam pencegahan dan pengawalan NCDs di negara ini.

Ke arah pencegahan masalah kesihatan mental

Gangguan dan masalah kesihatan mental sejak 10 tahun kebelakangan ini dilihat semakin meningkat secara global dan ini dipercepatkan lagi dengan kemunculan jangkitan COVID-19 yang telah menimbulkan stres, kadar kebimbangan dan kemurungan.

Kita juga tidak terlepas daripada berdepan risiko menghadapi penyakit gangguan mental. Pada masa ini dianggarkan lebih kurang 7,000 individu dalam semua peringkat umur termasuk kanak-kanak dan remaja sedang menjalani rawatan Kesihatan Mental di Jabatan Psikiatri, di hospital-hospital, dan Pusat-pusat Kesihatan. Apa yang membimbangkan dan menyediakan terdapat sebilangan individu yang nekad untuk membunuh diri.

NBD sangat mengambil berat terhadap isu ini dan komited bukan sahaja dalam mengatasinya di peringkat negara bahkan juga memberikan pengiktirafan akan kepentingannya di peringkat global di mana NBD mengetua kerjasama dalam Bidang Kesihatan Mental sebagai salah satu *deliverable*, di bawah kerjasama ASEAN semasa mempergerusikan Sidang Kemuncak ASEAN 2021.

Dalam meningkatkan pencegahan masalah Kesihatan Mental di NBD, Kementerian Kesihatan telah menghasilkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental NBD 2022 - 2025 bersama-sama dengan pihak-pihak berkepentingan.

Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022 - 2025 tersebut mengandungi empat strategi utama, iaitu Memperkuuh kepimpinan dan tadbir urus yang berkesan untuk kesihatan mental; Mengukuhkan perkhidmatan kesihatan mental dengan memastikan ketersediaan serta kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan mental yang berkualiti dan komprehensif; Mengukuhkan promosi kesihatan mental dan pencegahan gangguan mental; serta Membangun

kapasiti sistem maklumat dan penyelidikan negara untuk kesihatan mental.

Pelan tindakan berkenaan juga memberi nilai tambah dengan lebih menekankan pada pendekatan 'Whole of Nation', dalam sama-sama menangani isu kesihatan mental, sekali gus melengkapkan pelan-pelan tindakan kebangsaan lain, seperti Pelan Tindakan Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak serta Pelan Tindakan Warga Emas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Meningkatkan kegiatan fizikal

Melakukan kegiatan fizikal secara konsisten merupakan salah satu langkah amalan cara hidup sihat yang perlu menjadi amalan harian. Perkara ini bukan sahaja dapat mencegah masalah obesiti dan NCDs serta dapat mengawal daripada terjadinya komplikasi-komplikasi yang berkaitan.

Apabila kegiatan fizikal dilakukan secara aktif dan berkesan ia dapat membantu mengekalkan berat badan yang sihat, meningkatkan kesihatan mental, meningkatkan fungsi otak seperti pembelajaran, tumpuan perhatian dan ingatan.

Sebagai langkah pencegahan dan pengawalan NCDs, Kementerian Kesihatan telah melancarkan Garis Pandu Kegiatan Fizikal Kebangsaan Edisi Ke-2 bagi NBD (National Physical Activity Guidelines (NPAG) 2nd Edition For Brunei Darussalam). NPAG Edisi Ke-2 NBD adalah satu inisiatif bagi meningkatkan kegiatan fizikal dalam kalangan penduduk di NBD dengan beberapa kelebihan dan saranan baharu bagi meningkatkan kegiatan fizikal.

Menerusnya, orang ramai akan dapat mengetahui tahap dan tempoh melakukan kegiatan fizikal bagi kumpulan peringkat umur yang berbeza, termasuk kanak-kanak kecil di bawah umur lima tahun.

Selain itu, ia menggariskan tentang menghabiskan masa dengan cara hidup sedentari iaitu termasuk masa skrin semasa menggunakan peralatan elektronik seperti telefon bimbit, komputer, televisyen atau permainan elektronik boleh menjelaskan kesihatan terutama sekali kanak-kanak dan remaja pada ketika ini.

NPAG Edisi Ke-2 NBD boleh digunakan

oleh profesional kesihatan di hospital dan klinik bagi memberikan nasihat kepada pesakit terutama mereka yang terlibat dengan pengurusan NCD dan faktor risikonya. Garis panduan ini juga boleh digunakan oleh tenaga pengajar di semua peringkat pendidikan dan juga kepada para jurulatih kelab gim, sukan, pusat kecergasan dan organisasi.

Kementerian Kesihatan juga telah memperkenalkan kempen 'BN On The Move' yang mengajak rakyat dan penduduk di NBD untuk keluar secara kolektif mengumpul jumlah langkah berdasarkan aktiviti yang mereka lakukan. Dengan cara ini ia akan menimbulkan kesedaran kepada masyarakat kepentingan penjagaan kesihatan dan sebagai mendukung Wawasan Brunei 2035, dengan visi untuk menggalakkan gaya hidup sihat kepada rakyat dan seterusnya menyumbang kepada kualiti kehidupan yang tinggi.

Kesimpulan

Meskipun Kementerian Kesihatan berdepan dengan cabaran-cabaran untuk mencegah dan mengawal NCDs yang menjadi kebimbangan kepada negara, namun ia tidak akan menghamparkan masyarakat di negara ini apabila secara berterusan memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan pada tahap terbaik apatah lagi dalam memenuhi ekspektasi pelanggan sekarang yang semakin tinggi sesuai dengan perkembangan sosial dan ekonomi rakyat dan penduduk di negara ini. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat hendaklah mensyukuri nikmat dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'alá fizikal dan mental yang sihat kerana kehidupan sihat adalah asas utama ke arah mencapai kejayaan dan kemajuan dalam pelbagai bidang.



39
tahun

Membentuk jentera Perkhidmatan Awam yang efisien, produktif

JENTERA dalam Kamus Dewan Edisi Keempat merujuk pada keseluruhan sistem, meliputi tenaga manusia (alat perkakas, kemudahan, kemahiran dan sebagainya) yang dapat menjalankan atau melaksanakan sesuatu. Efisien menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pula bermaksud, bukan individu, organisasi, mesin, dan lain-lain yang boleh menjalankan tugas dengan cekap (tanpa pembaziran waktu dan tenaga); keefisienan perihal atau keadaan efisien, kecekapan, keterampilan. Manakala produktif mengikut rujukan yang sama adalah berupaya atau boleh mengeluarkan hasil yang banyak; dan mencapai banyak hasil, berhasil.

Tenaga manusia adalah antara elemen terpenting dalam memastikan sesuatu jentera untuk berfungsi sebaiknya, selain dibantu oleh alat, kemudahan atau kemahiran dan lainnya. Alat, kemudahan atau kemahiran tanpa tenaga manusia akan menyumbang pada kurangnya keberkesanannya. Walaupun kini kita boleh memprogram

mesin untuk melaksanakan tugas, namun pemantauan masih diperlukan daripada tenaga manusia.

Mesin pada logiknya boleh sahaja rosak dan mengalami gangguan, apalagi sistem jika diserang oleh virus atau gangguan teknikal serta sebagainya. Ia akan kekal kembali pada khidmat tenaga manusia. Dalam pada itu, semua tertakluk pada tenaga manusia berkenaan untuk menanai segala tugas dan tanggungjawab mereka serta memainkan peranan masing-masing seperti yang sepatutnya dalam sama-sama menggalas amanah yang diberikan dan mencapai apa yang perlu dan sepatutnya dilaksanakan, seterusnya mencapai matlamat negara yang diharatkhan, 'Wawasan Brunei 2035'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25 bertitih, "Beta berharap usaha-usaha menggerakkan Perkhidmatan Awam dengan penglibatan sektor swasta akan terus dijadikan. Beta mahu Perkhidmatan Awam akan meneroka pendekatan lebih berkesan dalam tugasnya memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dan negara".

Perkhidmatan Awam selaku jentera pembangunan negara, tidak boleh berhenti daripada mencari jalan ke arah menambah baik mutu perkhidmatan untuk rakyat dan negara. Keadaan sekarang tidak dinafikan memang semakin kompleks dan mencabar, namun inilah masanya untuk kita melihat Perkhidmatan Awam mampu mengatasi sebarang kesulitan dengan menerapkan

'Whole of Government Approach' dan 'Whole of Nation Approach'.

"Beta pernah mendorong supaya mengamalkan semangat berpasukan, lebih-lebih lagi bagi warga Perkhidmatan Awam kerana kerja-kerja yang dibuat secara berpasukan itu boleh mendatangkan lebih kebaikan. Tetapi apabila disebut berpasukan, ia bukanlah satu 'pakatan', dalam makna komplot atau kronisme. Komplot atau kronisme biasanya mempunyai ketua untuk mengontrol ahli-ahli kumpulan berkenaan, tetapi pasukan bukan begitu. Sifat pasukan adalah semata-mata muafakat dan mesyuarat," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24.

Pada pemimpin yang berjiwa besar dalam Perkhidmatan Awam, titah baginda, perlu lebih peka terhadap orang bawahan mereka. Tugas dan tanggungjawab mereka bukan sekadar menjadi ketua di dalam jabatan atau bahagian atau unit, tetapi juga bersedia untuk memberikan tunjuk ajar atau bimbingan kepada orang bawahan jika mereka itu berhadapan dengan sebarang kesulitan. Inilah namanya keprihatinan pemimpin terhadap anak buah.

Di samping mempunyai sifat timbang rasa, pemimpin juga tentunya memiliki kelebihan-kelebihan lain seperti ilmu dan pengalaman.

Perkhidmatan Awam adalah nadi utama yang menentukan kemajuan dan keutuhan sesebuah negara.

Menyebut mengenai inovasi, warga Perkhidmatan Awam perlu menjana idea-idea baharu bagi memacu penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Di sinilah, tegas baginda, pemimpin-pemimpin Perkhidmatan Awam dari peringkat setiausaha tetap, ketua jabatan, malahan peringkat ketua unit perlu memainkan peranan mereka dalam melakukan review semula pada tatacara atau proses pemberian perkhidmatan.

"Beta percaya kejayaan akan lebih menyerlah lagi apabila berlaku penyertaan yang meluas dari seluruh lapisan Perkhidmatan Awam. Budaya inovasi ini juga boleh menjadi penggalak kepada pelaburan asing bagi kemanfaatan ekonomi."

"Warga Perkhidmatan Awam yang baik ialah mereka yang berkhdmat dengan jujur dan amanah, bukan yang cekap, tetapi curang. Kecekapan tidak akan bernilai apa-apa jika ia digunakan untuk menganiaya manusia. Kalau siapa diberikan kuasa, maka kuasa itu adalah amanah, tidak boleh digunakan sewenang-wenang, seperti untuk kepentingan diri sendiri atau untuk menjelaskan orang lain, sekalipun yang terjejas itu hanya sekadar 'nama baik' sahaja."

"Ini adalah penting. Beta tidak mahu di dalam Perkhidmatan Awam ada orang yang menyalahgunakan kuasa, atau tukang-tukang cipta fitnah. Ini semua, tidak mendatangkan sebarang kebaikan, malainkan sebaliknya banyak mengundang kepada keburukan. Perkhidmatan Awam

mestinya bersih daripada semua ini, barulah negara dan kerajaan akan beroleh berkat," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24.

Perkhidmatan Awam, titah baginda pada Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-23, adalah teras utama untuk kemajuan sesebuah negara, pengurus, pemudah cara dan ejen pada perubahan. Oleh itu, warga Perkhidmatan Awam perlu memiliki disiplin yang tinggi dan kesungguhan dalam memainkan peranan masing-masing.

Perkhidmatan Awam perlu meningkatkan diri dengan mengenali *baseline* masing-masing, setakat mana minda, sikap dan kemampuan mereka dalam memberikan perkhidmatan berkualiti untuk negara serta pelanggan.

Negara benar-benar berhajat pada khidmat para penjawat awam dan melalui perkhidmatan mereka akan dapat mempertingkatkan produktiviti dan penghasilan negara.

Semua perubahan bermula daripada kita, iaitu pemula pada perubahan, jangan hanya menyatakan melalui kata, tanpa ada tindakan atau perbuatan, semua tidak akan dapat dilaksana tanpa usaha, ikhtiar apatah lagi jika hanya dalam impian dan masih sahaja dalam khayalan.

Berani untuk berubah adalah titik pemicu pada segalanya, namun perlu juga diingat akan kebaikan dan sebab akibat serta masa panjang segala sesuatu yang diusaha, jangan hanya bermula dengan gah kemudian hilang arah, jangan hanya menghuraikan dengan petah, namun segalanya hanyalah sekadar tipu telah.

Ingin kesan daripada segala perbuatan kita kini bakal memberikan impak kepada generasi akan datang. Sama-samalah kita membuka minda dan bergerak maju ke depan pastinya dengan niat yang tulus ikhlas semata-mata kerana Allah jua, semoga Negara Brunei Darussalam akan menjadi Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur, terpelihara daripada segala anasir yang jahat dalam sama memajukan, memakmurkan, membangunkan, mensejahterakan dan mengharmonikannya bersama sebagai bangsa jati Brunei yang terkenal dengan falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir sebagai rujukan merealisasikan yang diimpikan. Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-39 Negaraku, Tanahairku, Watanku, Brunei Darussalam. Kekal makmur, bahagia, maju, sejahtera dan harmoni sentiasa di bawah kepimpinan raja berdaulat.



منجایاکن واوسن نکارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

Produk halal memacu ekonomi negara dalam pasaran global

PRODUK-PRODUK halal menjadi kegemaran setiap orang di seluruh dunia. Pada masa kini bukan hanya orang-orang Islam bahkan bukan Islam di seluruh dunia juga mula menunjukkan minat bahkan menggunakan produk-produk halal. Bagi umat Islam, produk halal merupakan suatu keperluan. Dengan menggunakan produk yang mempunyai sijil halal, orang-orang Islam tidak perlu berasa was-was dan keraguan akan halal atau tidaknya suatu produk.

Pasaran makanan halal global dianggarkan bernilai US\$2,221.3 bilion pada 2022 seperti yang dinyatakan oleh IMARC Group. Nilai ini agak besar dan ini membuktikan bahawa industri halal semakin mendapat sambutan di seluruh dunia. Pendapatan pasaran halal di Negara Brunei Darussalam (NBD) bernilai BND88 juta pada tahun 2017, oleh itu, industri halal di NBD dilihat sebagai salah satu industri yang mempunyai potensi besar terhadap ekonomi tempatan berikutnya pertumbuhan permintaan di peringkat global.

Jenama Brunei Halal

Bagi mencapai matlamat meneroka pasaran eksport, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah memperkenalkan projek jenama Brunei Halal.

Antara objektif projek jenama Brunei Halal ini ialah menunaikan kewajipan fardu kifayah iaitu kewajipan untuk memudahkan pembekalan makanan bagi umat Islam di seluruh dunia, mempelbagaikan ekonomi negara dan sebagai platform bagi memajukan produk tempatan.

Langkah-langkah meningkatkan industri halal

NBD boleh berkembang pesat dalam industri halal dengan meningkatkan usaha-usaha seperti :

- Bantuan modal dan peralatan kepada individu yang ingin menceburi bidang industri makanan halal.
- Memberi latihan serta kemahiran kepada individu yang berminat dalam industri halal tentang cara dan proses penghasilan produk halal.
- Membuka pasaran yang luas untuk pengusaha tempatan sama ada di dalam dan luar negeri untuk memasarkan produk halal.
- Membuat penyelidikan mengenai produk halal serta bagaimana untuk menghasilkan produk halal yang bermutu tinggi dan berkualiti setanding dengan produk luar.

v. Produk halal juga boleh dikembangkan dengan pelbagai kumpulan serta ekspos-ekspos makanan halal di peringkat dalam negeri dan juga antarabangsa.

Langkah-langkah proaktif

Bagi memacu ekonomi negara dalam industri halal, perasmian Forum Pameran Industri Tertiari BIMP-EAGA 2019 dan Kejohanan Kulinari Halal Sedunia BIMP-EAGA 2019 telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada 10 November 2019.

Penandatanganan sebanyak lapan Memorandum Persefahaman (MoU) iaitu bagi Perkhidmatan Logistik Dalam BIMP-EAGA, Kilang Pemprosesan Makanan Halal di NBD, Gerbang Pembayaran Bagi Platform E-Perdagangan BIMP-EAGA, Liputan Media Brunei BIMP-EAGA, Berita Pasaran Syariah BIMP-EAGA Brunei, Rangkaian Pemasaran Halal Merentas Sempadan Dalam BIMP-EAGA dan Platform Halal E-Perdagangan BIMP-EAGA.

Terdahulu, Ekspos Halal Jepun 2016 telah diadakan di Tokyo Metropolitan Industrial Trade Center Taito-kan terletak di Bandar Asakusa, kawasan halal di Tokyo pada 22 - 23 November 2016 menyaksikan tujuh syarikat tempatan dan sebuah institusi

pendidikan tinggi mewakili NBD pada ekspos berkenaan dan dibantu oleh Jabatan Tenaga dan Industri, di Jabatan Perdana Menteri. Antara sektor yang diwakili oleh syarikat-syarikat ini ialah, sumber makanan halal dan farmaseutikal; pendidikan Islam; ekopelancongan; fesyen Muslimah dan kosmetik.

Pada Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Bangladesh pada 16 Oktober 2022, satu Dialog Keusahawanan serta menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU dan Majlis Pelancaran bagi pelbagai produk Bruneihalalfoods.

Semasa Dialog Keusahawanan berkenaan, perbincangan tertumpu kepada menerokai pelbagai kaedah untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dalam bidang perdagangan dan ekonomi antara NBD dan Republik Rakyat Bangladesh bagi beberapa sektor termasuklah sektor pemakanan halal.

Majlis Penandatanganan MoU antara Ghanim International Corporation

Sdn. Bhd. dan Zes Trading juga telah diadakan yang antara lainnya bertujuan untuk memperkembangkan kerjasama antara kedua-dua buah syarikat, melalui pengedaran dan penjualan pelbagai produk Bruneihalalfoods di Bangladesh.

Kesimpulan

NBD sememangnya berupaya menembusi pasaran antarabangsa dengan produk halal yang berkualiti. Kebersihan dan kualiti produk halal ini tidak dinafikan mampu menarik perhatian orang ramai termasuk yang bukan Islam untuk sama-sama menggunakan produk halal ini. Selain itu, ia juga dapat menjamin kesihatan pengguna produk halal kerana produk halal biasanya dikaji dan diuji terlebih dahulu sebelum diedarkan kepada orang ramai. Dengan adanya produk halal akan dapat lagi memacu ekonomi negara dan boleh meletakkan negara ini sebagai hab halal yang maju dan unggul.



39
tahun



Memperkasa pendidikan anak-anak bangsa menuju Wawasan Brunei 2035

WAWASAN Brunei 2035 adalah visi kemajuan jangka panjang negara yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Wawasan Brunei 2035 merupakan hasrat negara bagi memastikan rakyat akan berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya; mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi; dan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan menjelang tahun 2035.

Ada tiga matlamat yang hendak dicapai di bawah Wawasan

Brunei 2035 dan yang pertama adalah mengenai pendidikan. Matlamat 1 bagi Wawasan Brunei 2035 memberi fokus untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Negara yang maju sangat bergantung kepada asetnya yang paling berharga iaitu rakyat negara. Ini adalah kerana, rakyat merupakan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja perlu mampu membekalkan negara semata-mata tetapi di samping itu berpegang kepada nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Bagi memastikan kejayaan, dengan mempunyai sumber tenaga manusia yang berkualiti, berdaya tahan dan mampu bersaing serta memainkan peranan dalam pembangunan negara, Negara Brunei Darussalam (NBD) beraspirasikan untuk mencapai satu sistem pendidikan kelas pertama yang holistik, dengan fokus kepada memastikan pelajar-pelajar di semua peringkat dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran Abad Ke-21. Ini adalah termasuk peringkat rendah, menengah, teknikal, vokasional serta pengajian tinggi.

Dalam usaha mencapai matlamat pertama Wawasan 2035, sistem pendidikan dan

latihan yang kukuh adalah perlu dan berkemampuan untuk memastikan kesemua individu mempunyai peluang untuk berkembang mengikut potensi mereka dan menjadi tenaga kerja yang produktif bagi memenuhi keperluan tenaga manusia. Matlamat untuk mengecapi sistem pendidikan kelas pertama tidak terhad kepada pendidikan peringkat rendah, menengah, teknikal, vokasional serta pengajian tinggi tetapi dipanjangkan kepada pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat yang akan dapat memastikan kesemua individu mempunyai peluang untuk berkembang mengikut potensi mereka dan menjadi tenaga kerja yang produktif bagi memenuhi keperluan tenaga manusia.

Dalam titah sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, dan dalam titah itu, baginda mengambil maklum bahawa beberapa inisiatif telah dan akan terus dilaksanakan untuk memacu transformasi pendidikan di negara ini, di mana antara inisiatif tersebut ialah penaiktarafan infrastruktur rangkaian info-teknologi sekolah-sekolah, pembekalan alat peranti dan data Internet kepada semua para guru dan pelajar yang memerlukan.

Baginda seterusnya bertitah menjelaskan bahawa penaiktarafan infrastruktur rangkaian info-teknologi tersebut adalah bertujuan untuk mendukung pembelajaran menggunakan teknologi, selaras dengan Pelan Transformasi Digital, Kementerian Pendidikan. Di peringkat pendidikan teknikal dan pengajian tinggi, Yang Berhormat, menyembah, bahawa rangka kerja kompetensi sedang giat dibentuk bagi membangun dan mengurus sumber tenaga manusia di institusi teknikal dan pengajian tinggi, di bawah Kementerian Pendidikan bagi memantapkan lagi kualiti dan kompetensi mereka, dalam melahirkan pelajar cemerlang dan holistik, dari segi akademik serta sahsiah diri yang beridentitikan falsafah MIB.

Yang Berhormat juga berkata dalam sembah alu-aluannya bahawa di sebalik cabaran penularan pandemik COVID-19 guru terus gigih mendidik para pelajar demi memastikan kelestarian pembangunan generasi di negara ini. Cabaran pandemik COVID-19 telah dijadikan peluang oleh para guru untuk lebih kreatif, dinamik dan adaptable, dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai program dan kaedah telah dilaksanakan oleh para guru seperti Program E-Learning, kaedah pembelajaran teradu atau blended learning dan penyediaan program pembelajaran melalui penyiaran televisyen.



منجاياكن واوسن نکارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 FEBRUARI 2023

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan
Foto : Jabatan Penerangan

dalam membantu serta memastikan para pelajar yang terkesan oleh pandemik COVID-19 kembali ke tahap pendidikan yang diharapkan.

Strategi berkenaan mengandungi beberapa program pemulihan, termasuk Program Pemulihan Pembelajaran, Program Sokongan Pembelajaran serta program-program bagi mendukung kesihatan mental juga kesejahteraan pelajar.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan perkara itu, dalam sembah alu-aluannya selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-32 Tahun 2022, yang berlangsung di ICC.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menyembah, bahawa Pemimpin Sekolah terus memainkan peranan yang amat penting dalam mendukung transformasi pendidikan. Di peringkat pendidikan teknikal dan pengajian tinggi, Yang Berhormat, menyembah, bahawa rangka kerja kompetensi sedang giat dibentuk bagi membangun dan mengurus sumber tenaga manusia di institusi teknikal dan pengajian tinggi, di bawah Kementerian Pendidikan bagi memantapkan lagi kualiti dan kompetensi mereka, dalam melahirkan pelajar cemerlang dan holistik, dari segi akademik serta sahsiah diri yang beridentitikan falsafah MIB.

Yang Berhormat juga berkata dalam sembah alu-aluannya bahawa di sebalik cabaran penularan pandemik COVID-19 guru terus gigih mendidik para pelajar demi memastikan kelestarian pembangunan generasi di negara ini. Cabaran pandemik COVID-19 telah dijadikan peluang oleh para guru untuk lebih kreatif, dinamik dan adaptable, dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai program dan kaedah telah dilaksanakan oleh para guru seperti Program E-Learning, kaedah pembelajaran teradu atau blended learning dan penyediaan program pembelajaran melalui penyiaran televisyen.



39
tahan



منجایاکن واوسن نگارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Ihsan Brunei Fertilizer
Industries Sendirian Berhad



Industri hiliran kembangkan majukan ekonomi NBD

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) telah menyaksikan perkembangan yang signifikan dalam ekonomi negara terutamanya dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas.

Sektor tersebut telah berkembang secara purata kira-kira lima peratus sejak tahun 2019 dengan beberapa aktiviti baharu dan pengembangan yang sedia ada.

Ini merupakan sebahagian daripada usaha NBD mempelbagaikan ekonomi negara yang tidak hanya bergantung kepada Sektor Utama Minyak dan Gas.

Meskipun terkesan dengan pandemik COVID-19, NBD tetap mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang positif, iaitu sebanyak 2.8 peratus, di mana pertumbuhan ini disumbangkan oleh peningkatan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 8.1 peratus; dan Sektor Minyak dan Gas mencatatkan penurunan sebanyak 1.3 peratus. Sebahagian besar daripada pertumbuhan tersebut datang daripada aktiviti hiliran minyak dan gas.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Perasmian Simposium Minggu Ekonomi bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2022, sumbangan Sektor Hiliran kepada KDNK telah meningkat begitu ketara daripada kira-kira BND100 juta sebelum tahun 2019 kepada kira-kira BND1.6 bilion pada tahun 2021 iaitu peningkatan lebih daripada 10 kali ganda

sepanjang tiga tahun.

Dari segi eksport pula, pihak Sektor Hiliran mencatatkan sekitar BND8 bilion pada 2021 dan mele过si nilai eksport minyak dan gas kira-kira BND6.4 bilion.

Loji baja baharu di Sungai Liang Industrial Park juga telah memulakan pengeluarannya dan mengeksport kargo pertamanya pada Januari 2022 dengan nilai BND19.1 juta.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga melakarkan detik bersejarah apabila Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI) berjaya mengeksport produk baja urea pertama ke Thailand.

Sebanyak 6,200 tan metrik baja urea dieksport ke Thailand diikuti pengeksportan kedua ke Korea Selatan berjumlah 6,100 tan metrik melalui jeti BFI yang dibangunkan khas bagi aktiviti pengeksportan urea yang mampu menampung kapasiti kapal sehingga 9,000DWT.

Melihat kepada potensi tersebut, NBD telah membuat pelaburan besar untuk mempelbagaikan portfolio produknya dalam rantaian nilai minyak dan gas yang mana trend ini akan terus berlanjut pada masa depan selain membuka jalan untuk permintaan yang semakin meningkat untuk kemahiran dan teknologi baru.

BFI adalah projek bagi penghasilan produk ammonia dan urea yang pertama di NBD di mana syarikat itu ditubuhkan pada 28 Oktober 2013 dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan NBD.

Syarikat BFI memainkan peranan penting dalam membekalkan urea kepada negara-negara jiran yang bergantung pada hasil pertanian, dengan memenuhi keperluan negara-negara berkenaan terhadap pembekalan baja, yang berkualiti tinggi.

Kegiatan pengeksportan tersebut akan mengembangkan sektor eksport logistik negara, seterusnya menjadikan urea sebagai salah satu penyumbang penting dalam perkembangan ekonomi negara.

BFI juga memainkan peranan penting dalam memenuhi aspirasi kerajaan, dalam mempelbagaikan ekonomi negara, pembangunan industri baharu, seterusnya membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Sebagai usaha melahirkan penduduk tempatan yang berkebolehan untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi dalam Sektor Minyak dan Gas, Kerajaan NBD akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan untuk membolehkan penduduk tempatan yang memenuhi syarat untuk menampung keperluan kemahiran yang ada dan yang akan datang, bermula dari aliran vokasional, teknikal dan bukan teknikal.

Pada masa ini, BFI mempunyai seramai 479 orang pekerja di mana 66 peratus adalah terdiri daripada anak-anak tempatan yang telah pun diberikan pelbagai latihan bagi meningkatkan kepakaran mereka.

BFI juga terus memberikan peluang bagi anak-anak tempatan untuk meningkatkan

kemahiran mereka melalui pembelajaran secara langsung, interaksi dan perkongsian ilmu daripada pakar-pakar industri BFI yang ada pada masa ini.

Bukan itu saj� beberapa buah syarikat di negara ini yang telah bergiat aktif dalam memajukan perindustrian hiliran minyak dan gas seperti Syarikat Brunei Methanol Sdn. Bhd. (BMC) serta Loji Penapisan dan Petrokimia Pulau Muara Besar yang dikendalikan oleh Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) sejak akhir tahun 2019 telah menyumbang kepada pengambilan pekerja lebih daripada 600 penduduk tempatan yang terlibat secara langsung dalam operasi mereka dan lebih-lebih lagi melalui aktiviti sokongan seperti pembinaan, penyelenggaraan, logistik dan perkhidmatan lain.

Kerajaan NBD akan sentiasa memastikan pembentukan strategi kepelbagaian ekonomi negara mampan dan sentiasa mengambil kira dan berhati-hati terhadap alam sekitar dan meminimumkan sebarang kesan iklim bagi memastikan biodiversiti negara kekal dilindungi dan terpelihara dengan baik.



Keamanan, kesejahteraan rakyat teras komitmen negara

KESELAMATAN sesebuah negara amat penting untuk dipelihara dan dijaga khususnya dalam memastikan keamanan negara akan terus dapat dikekalkan. Jika keselamatan negara dijaga, rakyat dapat menjalani kehidupan yang aman dan damai di bawah kepimpinan raja yang berdaulat lagi bijaksana.

Justeru, untuk mencapai kesejahteraan dan keamanan sesebuah negara bukannya mudah, ia memerlukan semangat dan kerjasama erat daripada semua pihak terutamanya pasukan-pasukan keselamatan yang diberikan amanah untuk mempertahankan kedaulatan raja, agama, bangsa dan negara.

Sebagaimana yang diketahui secara umumnya, Negara Brunei Darussalam (NBD) terus terpelihara dengan adanya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan banyak lagi agensi-agensi yang tertentu dalam memainkan peranan mereka untuk menjaga keamanan negara.

Selaras dengan perkembangan, pasukan-pasukan ini juga tidak ketinggalan dalam memperkembangkan lagi aspek - aspek yang tertentu dalam memastikan keselamatan dan keamanan negara terus terpelihara sejajar dengan arus perkembangan dunia.

Namun perlu diingat, keamanan yang kita nikmati ini adalah tanggungjawab semua pihak, bukannya hanya bergantung pada pihak-pihak keselamatan dan agensi-agensi keselamatan sahaja malahan kita semua

hendaklah memainkan peranan dalam sama-sama berfikir dan bertanggungjawab dalam memelihara serta mengekalkan keselamatan yang dinikmati ini.

Sokongan padu

Bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin, terpelihara, pihak kerajaan terus berusaha keras dalam mempelbagaikan lagi perkembangan dan kemajuan negara dari pelbagai aspek telah dapat disaksikan di mana pelbagai infrastruktur dan prasarana telah dan sedang diusahakan demi memastikan kehidupan yang aman damai dan harmoni kepada rakyat NBD.

Oleh itu, sokongan padu daripada segenap masyarakat adalah penting dalam sama-sama menjaga akan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan sejarah dengan arus perkembangan dunia yang semakin mencabar dan sebagainya.

Sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Awal Tahun Baharu Masih 2017 di mana baginda menekankan bahawa rukun keamanan adalah mustahak untuk dipelihara dan diamalkan iaitu memegang kuat ajaran ugama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu.

Keselamatan sejarah dengan arus perkembangan

Tidak dinafikan lagi bahawa arus perkembangan dunia membawa pelbagai signikan terhadap kehidupan manusia, ini termasuklah arus perkembangan teknologi. Orang ramai telah mengadaptasikan perkembangan teknologi dalam kehidupan sehari-hari yang bertujuan semata-mata untuk keselesaan hidup dan sebagainya.

Namun, perlu diingat bahawa teknologi juga mampu membawakan impak yang negatif dalam pelbagai bidang, sebagai contoh, penipuan dalam perniagaan dan sebagainya. Dari situ, keselamatan dan keamanan dalam menggunakan teknologi ini sedikit sebanyak memberi kesan yang negatif malah akan menyusahkan lagi para pengguna.

Pihak kerajaan khususnya dengan kerjasama Brunei Computer Emergency

Response Team akan sentiasa memantau dan memastikan penggunaan teknologi di negara ini akan sentiasa dipantau dan selamat untuk digunakan oleh kesemua pihak sekali gus menjamin akan kesejahteraan pengguna.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati dan peka akan kemudahan khususnya dalam teknologi dan memastikan setiap kemudahan teknologi itu yang berdaftar dan sebagainya.

Selain itu, penyebaran maklumat melalui teknologi media sosial juga memainkan peranan penting bagi kita sama-sama menjaga dan memastikan keamanan negara sentiasa dikawal.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri sentiasa menasihatkan dan mengingatkan orang ramai untuk berhati-hati khususnya dalam penyebaran maklumat di dalam laman sesawang atau media sosial.

Program Masyarakat Bermaklumat merupakan platform yang terbaik bagi membarangkan masyarakat bermaklumat di sebuah kampung untuk menerangkan dan berbincang akan perihal yang berkaitan dalam pelbagai aspek yang tertentu sekali gus menjamin akan kesejahteraan penduduk.

Oleh itu, orang ramai selaku pengguna yang bijak harus peka dan tidak menyebarkan informasi yang tidak sah kepada orang lain kerana ia boleh mengakibatkan keresahan dan kekhuitaran sehingga menyebabkan kesejahteraan penduduk terganggu dan sebagainya.

Pengawasan kejiranan

Dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat terjamin khususnya di sebuah kampung, pengawasan kejiranan juga berperanan penting iaitu bekerjasama dengan PPDB dalam membanteras dan mengurangkan aktiviti jenayah dan kurang sihat di dalam sebuah masyarakat kampung.

Justeru, ketua kampung atau penghulu kampung berperanan penting dalam sama-sama menanai hasrat negara bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara terus ditanai dengan baik.

Ronda yang dibuat bersama penduduk dan PPDB di sebuah kampung adalah perlu diperaktikkan setiap masa dalam mengekang lagi aktiviti jenayah dan sebagainya.

Sokongan daripada penduduk kampung adalah amat diperlukan dalam aspek ini bagi sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga akan kesejahteraan kampung sekali gus hidup dalam harmoni dan bahagia.

Operasi pemantauan yang aktif

Operasi dalam pelbagai bidang juga berperanan penting dalam sama-sama menjaga keamanan negara, sebagaimana yang lazim dilakukan oleh PPDB dan pihak-pihak yang tertentu, contohnya, operasi bersepdua yang dijalankan di beberapa tempat dalam usaha memastikan tidak ada barang-barang tegahan dan tidak dibenarkan dibawa masuk ke negara ini.

Sehubungan itu, pihak-pihak keselamatan terus aktif menjalankan operasi pemantauan dan mencegah kemasukan barang-barang yang tidak



منجايان واؤسن نگارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Oleh : Muhammad Zulkamal
Awang Haji Kamis
Foto : Jabatan Penerangan

dibenarkan sekali gus menjaga akan kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga terus aktif menjalankan operasi bagi memastikan pekerja-pekerja asing di negara ini untuk terus mematuhi akan undang-undang yang ditetapkan.

Tujuan operasi atau pemeriksaan adalah bagi melaksanakan rondaan, operasi dan pemeriksaan berdasarkan kepada maklumat dan kerjasama daripada orang ramai berpandukan kepada maklumat yang terkumpul, sama ada secara persendirian atau bersama agensi penguatkuasa yang lain.

Seterusnya, menguatkusakan Akta dan Peraturan Imigresen, Akta dan Peraturan Passport dan memastikan ia dipatuhi serta dalam usaha mengesan pesalah imigresen.

Dengan cara yang demikian, kesejahteraan dan keamanan negara akan dapat terus terpelihara di mana segenap masyarakat sama ada penduduk dan warga asing akan dapat melakukan aktiviti harian dengan harmoni dan patuh akan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Kesejahteraan rakyat, maju negara

Rakyat dan penduduk di bumi bertuah, NBD sentiasa merafakkan rasa syukur kerana dilimpahi dengan hidup yang aman dan harmoni, berkat kepimpinan raja yang adil dan lagi bijaksana serta diiringi keagungan maha pencipta, Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru, tanggungjawab rakyat terhadap pemimpin adalah mentaati pemimpin dengan tidak berbelah bagi, mendukung, menanai dan melaksanakan amanah yang dipikulkan oleh pemimpin mengikut kapasiti dan ruang lingkup yang dipertanggungjawabkan.

Oleh itu, Al-Quran telah menjelaskan perihal nikmat kesejahteraan dan keamanan kerana nikmat kesejahteraan dan keamanan adalah kunci bagi semua kebaikan, asal bagi setiap kemajuan dan kemakmuran bahkan ia adalah sumber bagi kebahagiaan dan keceriaan.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan NBD Ke-39, semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus memelihara dan NBD terus maju di arus perkembangan dunia sejagat manusia.



39
تلاعنه

Dasar bermuafakat Negara Brunei Darussalam wadah kemajuan negara

KESALINGHUBUNGAN Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan negara-negara luar telah wujud sejak sekian lama lagi melalui dasar-dasar kerjasama dan perpaduan yang memakmurkan dan memberi manfaat serta faedah kepada NBD dengan negara-negara luar.

Dalam meningkatkan kerjasama dan hubungan rapat dengan negara luar, NBD secara aktif bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam dasar-dasar perdagangan dua hala, serantau dan antarabangsa melalui pembukaan laluan pasaran luar negeri bagi peniaga tempatan, mempromosikan perdagangan bebas dan menarik pelaburan asing ke negara ini.

NBD telah mengamalkan dasar terbuka untuk mengadakan hubungan berbaik-baik dengan sesiapa sahaja, sama ada dengan rakan-rakan terdekat seperti rantaui ASEAN ataupun yang jauh iaitu berlandaskan prinsip dan semangat hormat-menghormati serta tidak campur tangan terhadap hal ehwal negara masing-masing.

Bantuan-bantuan juga diberikan kepada negara-negara yang memerlukannya sebagai komitmen negara kepada manusia sejagat.

Hubungan rapat NBD dengan negara luar terus terjalin melalui pelaksanaan kerjasama dalam pelbagai bidang penting yang dilihat memberikan kebaikan kepada kedua-dua buah negara.

Pendekatan NBD dalam memperkuatkannya dan mempereratkan hubungan dengan negara-negara luar jelas terserlah dengan penandatanganan kerjasama dalam pelbagai bidang antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Republik Singapura.

Sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura pada Ogos 2022, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menandatangani empat Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Republik Singapura iaitu Memorandum of Understanding on Cooperation in Public Service Capacity Development; Memorandum of Understanding on the Brunei Darussalam-Singapore Youth Education Scholarship; Memorandum of Understanding on Strengthening Trade and Investment Cooperation in Food and Medical Products; dan Memorandum of Understanding on Cooperation in Energy and Green Economy.

Memorandum of Understanding on Cooperation in Public Service Capacity Development bertujuan untuk mewujudkan kerjasama antara Jabatan Perdana Menteri, NBD dengan Bahagian Perkhidmatan Awam, Republik Singapura, yang mana Republik Singapura akan menjadi hos bagi penempatan para penjawat awam NBD di beberapa buah kementerian dan agensi berkaitan kerajaan, yang juga akan membuka pelbagai peluang latihan di dalam Perkhidmatan Awam, Republik Singapura.

Manakala di bawah Memorandum of Understanding on the Brunei Darussalam-Singapore Youth Education Scholarship di bawah MoU tersebut, Biasiswa Pendidikan Belia Brunei-Singapura bertujuan untuk mengukuhkan pertukaran belia dan pemimpin masa depan NBD dan Republik Singapura, serta meningkatkan persahabatan dan kesalingfahaman antara kedua-dua buah negara.

Biasiswa tersebut akan ditawarkan kepada para penuntut NBD yang tertentu di peringkat pra-universiti, bermula daripada sekolah menengah.

Sementara itu, Memorandum of Understanding on Strengthening Trade and Investment Cooperation in Food and Medical Products pula untuk memudahkan, mempromosikan dan mengukuhkan ketahanan bekalan pelbagai produk makanan dan perubatan serta



pengangkutan efisien bagi barang tersebut antara kedua-dua buah negara.

Tiga bidang fokus telah dikenal pasti di dalam MoU tersebut, iaitu bekalan makanan; produk perubatan; dan penyelesaian pengangkutan.

Penandatanganan MoU tersebut juga mewujudkan sebuah Jawatankuasa Bersama Brunei-Singapura, bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua buah negara dan memudahkan pelaksanaan pelbagai projek bersama.

Di bawah Memorandum of Understanding on Cooperation in Energy and Green Economy pula menandakan komitmen NBD dan Republik Singapura dalam penyediaan sebuah rangka kerja bagi kerjasama di bidang tenaga dan ekonomi hijau melalui empat bidang fokus, iaitu tenaga dan ekonomi hijau termasuk peralihan tenaga; teknologi-teknologi rendah karbon baharu; penangkapan dan penyimpanan karbon; dan pasaran karbon.

Melalui kerjasama ini mencerminkan keakraban dan hubungan antara NBD dan Republik Singapura terus erat demi kemajuan kedua-dua buah negara.

Dasar positif NBD dengan negara luar yang meliputi pelbagai aspek dan kaedah termasuk juga dengan memberi bantuan kepada negara-negara luar yang ditimpakan musibah yang mana ini menunjukkan sikap pemedulian NBD.

Pada Oktober 2022 yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan penubuhan 'Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022' dan seterusnya penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Banjir

Pakistan 2022.

Penubuhan tabung kemanusiaan ini bertujuan untuk mengumpulkan derma berbentuk kewangan sahaja daripada semua rakyat dan penduduk di NBD bagi membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Pakistan yang dilanda banjir besar.

Ini menunjukkan sikap pemedulian dan solidariti yang ditunjukkan NBD terhadap mangsa-mangsa banjir di Pakistan.

Tempoh kutipan derma diadakan selama tiga bulan iaitu 15 Oktober 2022 hingga 12 Januari 2023 yang lalu.

Pelbagai pihak terlibat dan memainkan peranan dalam mengumpulkan derma dengan mengadakan aktiviti-aktiviti amal di seluruh negara.

Dalam bidang pembangunan kesihatan juga, NBD memperluaskan rangkaian kerjasama dengan tertubuhnya kolej sains kesihatan swasta pertama oleh Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dengan kerjasama Far Eastern University (FEU) dari Republik Filipina yang dinamakan JPMC College of Health Sciences.

FEU merupakan salah sebuah universiti terunggul di Republik Filipina yang mempunyai reputasi tinggi dalam menghasilkan graduan yang mampu berdaya saing di peringkat global termasuk graduan jururawat.

Kurikulum program kejururawatan FEU akan disesuaikan ke dalam kolej tersebut bagi melengkapkan pelajar-pelajar dengan kemahiran dan kepakaran di dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan yang cemerlang.

Oleh yang demikian, NBD secara

منجياكن واوسن نکارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 FEBRUARI 2023

Oleh : Muhammad Khairulanwar
Ali Rahman
Foto : Jabatan Penerangan

konsisten mengamalkan dasar berbaik-baik dengan negara luar yang positif dengan berpandukan prinsip *mutual respect*, kesaksamaan dan *non-interference* untuk memastikan matlamat-matlamat seperti kedaulatan dihormati dan kepentingan negara terus terpelihara.

Hubungan kerjasama pelbagai sektor ini memberikan impak yang positif kepada NBD dan negara luar, tambahan lagi, ini memberikan kemajuan yang jitu antara kedua-dua buah negara.

Prinsip-prinsip seperti penyelesaian sebarang pertikaian secara aman, bekerjasama untuk faedah bersama dan perdagangan bebas juga akan terus menjadi sandaran.

Kesemua sandaran berkenaan juga terus kukuh dengan nilai-nilai Melayu Islam Beraja iaitu berbaik-baik, toleransi, pemedulian, masyarakat prihatin dan juga tolong-menolong di negara ini dan dengan nilai-nilai yang diamalkan selama ini, NBD akan terus menyerlah dan menaikkan imej negara di arena antarabangsa.



39
tahun



Sifar kemiskinan, sejahtera kemanusiaan

KEMISKINAN merupakan fenomena global termasuk dalam kalangan negara-negara maju. Kemiskinan di negara ini bukanlah pada tahap yang kronik tetapi rakyat masih mampu mengecapi kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, bagi meneruskan kemudahan-kemudahan ini, kerajaan perlu terus mengamalkan dasar fiscal sustainability iaitu mengurus kewangannya secara berhemat supaya iaanya mampu dikecapi bukan sahaja oleh generasi sekarang malahan generasi yang akan datang.

Selain daripada bantuan ke atas keperluan asas di atas, bantuan kebaikan; elaun pendidikan; elaun sara hidup; serta bantuan bencana alam juga disediakan melalui beberapa program seperti Skim Perkhidmatan Masyarakat dan Program Perkasa di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Selain itu, semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan kemelut kemiskinan ini ditangani dengan efektif demi masa depan masyarakat dan negara.

Penyediaan peluang pekerjaan melalui pelaburan

Langkah awal untuk mengatasi kemelut kemiskinan ini ialah kerajaan untuk rakyat

jelata yang boleh diwujudkan menerusi usaha menarik lebih banyak pelaburan asing menanam modal di negara kita. Sebenarnya, strategi menarik para pelabur ini akan menjadikan rakyat di Negara Brunei Darussalam (NBD) mempunyai pekerjaan yang menjadi titik-tolak untuk mereka keluar daripada kemiskinan dan perlulah berusaha meningkatkan taraf pendidikan diri sendiri.

Pendidikan boleh mengubah nasib

Usaha menimba ilmu pengetahuan sebanyak yang mungkin akan memberikan peluang cerah kepada seseorang untuk memperoleh pekerjaan yang menjamin masa depan. Ilmu dan kemahiran yang dimiliki akan membantu rakyat keluar daripada kelompok kemiskinan. Meningkatkan taraf pendidikan dalam kalangan rakyat memainkan peranan penting untuk mencapai kemajuan. Dengan ilmu pengetahuan yang diperoleh akan memungkinkan seseorang individu ini berhasrat untuk mengubah nasibnya mahupun keluarganya dengan memanfaatkan ilmu yang ada.

Sumber tenaga yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi amatlah dihajati bagi tujuan membawa perubahan. Demikian itulah pentingnya untuk kita melakar pendidikan tinggi untuk melahirkan sumber tenaga yang berkemahiran.

Kemiskinan relatif

Kemiskinan relatif lebih kepada jurang perbezaan dalam taraf kehidupan yang dialami seperti perbezaan dalam pendidikan, aktiviti ekonomi dan juga kesihatan. Kemiskinan yang ada di negara ini merujuk kepada kemiskinan kerana tiada sumber pendapatan kerana menganggur atau tidak ada kemahiran yang membolehkan seseorang individu itu untuk berdikari dengan kelebihan yang ada atau kerana mempunyai masalah ketidakupayaan fizikal dan penyakit-penyakit tertentu.

Di NBD, walaupun jumlah kelompok miskin secara relatifnya adalah kecil, ia tidak dibiarkan begitu sahaja. Perlu diingat tahap kemiskinan seperti ini dapat diperbaiki atau dibendung jika diberi peluang tertentu seperti tawaran pekerjaan atau dilengkapkan dengan kemahiran untuk berdikari tanpa mengharapkan bantuan kerajaan. Apa yang penting, semangat untuk memperbaiki taraf hidup perlu ada dalam diri individu yang terbabit.

Usaha ke arah kemiskinan sifar

Kita juga akan terus bergerak untuk meningkatkan taraf hidup, sesuai dengan matlamat mencapai tahap kemiskinan sifar.

Bagi mengatasi masalah kemiskinan di negara ini, langkah-langkah telah diambil

seperti kajian-kajian yang dijalankan untuk mengetahui punca masalah kemiskinan. Selain itu, pelbagai bentuk kemahiran dan pendidikan juga diberikan kepada kanak-kanak. Program berdikari, program perkasa termasuk program Satu Kampung Satu Produk bagi membantu mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau membantu balu-balu yang tidak mempunyai sumber kewangan yang diharapkan. Dengan usaha-usaha seperti ini diharapkan mereka akan dapat berdikari dan menjana pendapatan sendiri ke arah kehidupan yang lebih baik.

Pembasmin kemiskinan telah lama diungkayahkan apabila Pencen Umur Tua telah diperkenalkan pada tahun 1954 sebagai satu jaminan rakyat serta penduduk di negara ini tidak akan termasuk dalam golongan miskin. Dalam perkara ini, kita harus bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana sikap pemedulian baginda dalam mengurus hal ehwal rakyat baginda.

Apapun rancangan dan perubahan, banyak bergantung kepada sumber tenaga manusia. Sumber ini tidak syak lagi adalah aset terpenting negara, kerana mereka yang akan berusaha untuk mencorakkan kehidupan, selaras dengan keperluan.

Sistem Kebajikan Negara (SKN)

Dengan adanya SKN ianya dapat memudahkan pemohon-pemohon untuk membuat permohonan kepada kerajaan. SKN ini merupakan satu platform untuk memudahkan orang awam yang memerlukan bantuan membuat permohonan.

Bantuan Kebajikan secara dalam talian. Sistem yang dibangunkan untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) ini adalah dengan kerjasama dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi berserta dengan agensi-agensi yang lain seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan, yang antara lain bertujuan untuk menyajarkan proses pemberian bantuan-bantuan yang dikendalikan oleh agensi-agensi berkenaan. Sistem berkenaan digunakan untuk membuat permohonan Bantuan Bulanan Kebajikan yang dikendalikan oleh KKBS serta Agihan Wang Zakat Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi Asnaf Fakir dan Miskin.

Sebagaimananya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-74 Tahun pada 15 Julai 2020 Masih :

"Bersukut dengan hari keputeraan beta ini, SKN akan mula dapat digunakan oleh mereka yang berhajat untuk mendapatkan bantuan kebajikan, sama ada melalui KKBS atau dari MUIB. Dengan

منجايان واسن نگارا

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Oleh : AK. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

terlaksananya sistem ini, maklumat tentang rakyat dan penduduk yang benar-benar memerlukan bantuan akan dapat disimpan, sehingga tidak ada lagi mereka yang tercicir, serta sekali gus mengelakkan dari ketirisan bantuan yang dihulurkan. Sistem ini juga akan dijadikan asas untuk membuat perancangan, berupa latihan, bagi kebaikan mereka".

Dengan pelancaran SKN tersebut dapat memudahkan akses permohonan bantuan serta memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif mengenai ekosistem bantuan di negara ini dengan telus, jelas serta tidak ada ketirisan dan keciciran terhadap bantuan-bantuan yang diaghikan.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB)

Penubuhan YSHHB merupakan wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah DYMM dan kerabat diraja baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan masyarakat di NBD yang sejahtera dan makmur.

Ianya ditubuhkan untuk menyalurkan bantuan-bantuan yang perlu mengikut kesesuaian dan keadaan. Ia dihasilkan bagi memenuhi tuntutan-tuntutan sosial dan kebajikan untuk rakyat di dalam pelbagai bentuk sumbangan dan bantuan, membolehkan penerima-penerima mendaftarkan kemahiran dan kelayakan. Hanya dengan melalui kemahiran dan kelayakan sahajalah taraf hidup dapat dibina dan ditingkatkan.

YSHHB mengendalikan melalui projek-projek kebajikan yang telah dilaksanakan sebagai usaha bagi mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup serta mempertingkatkan pembangunan sosiobudaya dan sosioekonomi dalam kalangan rakyat dan penduduk di NBD yang kurang bernasib baik.

Kesimpulan

Semua pihak hendaklah berganding bahu menangani masalah kemiskinan di negara ini, rakyat juga tidak boleh mengharapkan pihak kerajaan sahaja, tetapi mereka sendiri perlu ada satu keazaman untuk mengubah hidup sendiri.

39
tahan



منجایا سن واوسن نگارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan,
Siaran Akhbar Jabatan Bomba dan Penyelamat



Negara cemerlang menghadapi bencana alam

BENCANA alam merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan negara di seluruh dunia, termasuklah Negara Brunei Darussalam (NBD). Walaupun secara geografinya negara ini terhindar daripada bencana seperti gempa bumi, letusan gunung berapi dan taufan, namun bencana-bencana alam yang lainnya seperti banjir atau tanah runtuh masih saji berlaku. Oleh itu, negara hendaklah sentiasa siap siaga dalam menghadapi apa juga kemungkinan yang berlaku kerana tanpa persediaan dalam menghadapinya, bencana yang telah berlaku mungkin saja akan menimbulkan pelbagai masalah susulan.

Dalam hal ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sememangnya mengambil berat akan hal-hal yang berkaitan dengan kebijakan para penduduk dan rakyat yang bernaung di bumi Darussalam ini. Semasa sesi Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara yang telah diadakan di Dewan Persidangan Bangunan Dewan Majlis pada 1 Mac, 2022, Menteri Pembangunan ketika itu, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dalam

mukadimahnya menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan akan meneruskan beberapa inisiatif-inisiatif sesuai dengan peranan kementerian berkenaan dalam penyediaan persekitaran terbina (*built environment*) dan berdayahuni (*liveable*), dengan memberi penekanan serta keutamaan kepada beberapa perkara yang strategik, salah satu daripadanya ialah penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam yang berdaya tahan (*resilient*), termasuk meneruskan pelaksanaan projek infrastruktur bagi mitigasi bencana / banjir.

Mengenai mitigasi banjir ujar Yang Berhormat, ketika negara menghadapi keadaan cuaca yang tidak menentu, turunan hujan yang tinggi, kenaikan paras air laut serta topografi kawasan yang rendah yang menyumbang kepada kejadian banjir di beberapa tempat di negara kita, pihak kementerian melalui Jabatan Saliran dan Pembetungan akan sentiasa berusaha secara berterusan dengan mengambil langkah-langkah dan strategi secara lebih holistik dalam memperbaiki dan menyediakan sistem saliran yang mampan. Alhamdulillah dengan adanya pelaksanaan projek pencegahan banjir di kawasan dataran Sungai Tutong iaitu Pencegahan Banjir di

Sebelah Hulu Sungai Tutong dan Pencegahan Banjir di Sebelah Hilir Sungai Tutong telah berhasil dalam mengurangkan kejadian banjir seluas 4 kilometer persegi terutamanya di kawasan seperti Kampung Tanjung Maya, Kampung Lubok Pulau, Kampung Sebakit, Kampung Penapar, Kampung Ukong, Kampung Rambai dan Kampung Panchong yang sering kali mengalami banjir terutamanya musim tengkujuh.

Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menubuhkan sebuah agensi yang menjadi peneraju utama bagi pengurusan bencana di negara ini. Dikenali sebagai Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (National Disaster Management Centre - NDMC), pusat berkenaan berada di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan memberikan beberapa peranan utama iaitu Pengurusan Risiko Bencana; Peningkatan Keupayaan Operasi Bencana; Peningkatan Kesedaran Awam; Peningkatan Kapasiti Pentadbiran dan Pengurusan; Rangkaian Kordinasi Bersama Agensi Tempatan dan Rangkaian Kerjasama Serantau dan Antarabangsa.

NDMC yang telah diberikan amanah oleh pihak kerajaan untuk memikul tanggungjawab pengurusan bencana di negara ini bersama beberapa agensi petindak operasi yang terlibat setentunya

akan membuat tindakan kecemasan sekiranya berlaku bencana alam di negara ini bagi memastikan kesejahteraan masyarakat.

Tingkatkan kesedaran awam

Dalam pada itu, risiko menghadapi bencana alam juga perlu didehdahkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini agar mereka sentiasa peka dan siap siaga sekiranya berlaku bencana alam. Orang ramai hendaklah diberikan latihan dalam pengurangan risiko bencana dan juga cara mengatasi situasi sekiranya berlaku bencana alam di tempat masing-masing dengan memberikan penekanan terhadap penerapan amalan mengurangkan risiko bencana. Dengan ini secara tidak langsung akan membantu agensi-agensi kerajaan dengan lebih berkesan lagi ketika menghadapi bencana alam.

Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 2023 ini, marilah kita bersama-sama menadah tangan memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Brunei Darussalam terhindar dari bencana dan bumi Darussalam ini terus mendapat rahmat dan perlindungan dari-Nya jua.

PERANAN UTAMA NDMC



Pengurangan Risiko Bencana

- ➔ Membentuk pelan dan rangka kerja dasar dan strategik seperti yang telah diperuntukkan di dalam Perintah Pengurusan Bencana 2006;



Peningkatan Keupayaan Operasi Bencana

- ➔ Mengadakan latihan-latihan simulasi operasi bencana melalui kerjasama dan koordinasi yang mantap dengan sokongan padu agensi tempatan bagi memastikan para petindak daripada agensi-agensi berkaitan bersiapsedia bagi melaksanakan tindakan respon sekiranya bencana berlaku;



Peningkatan Kesedaran Awam

- ➔ Mengadakan program, projek dan aktiviti kesedaran awam bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan orang awam agar sentiasa peka mengenai risiko bencana dan mengetahui tindakan yang harus diambil semasa menghadapi bencana;



Peningkatan Kapasiti Pentadbiran Dan Pengurusan

- ➔ Menghantar para pegawai dan kakitangan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan jabatan-jabatan berkaitan bagi menghadiri latihan-latihan dan kursus pelbagai jurusan pengurusan bencana bagi meningkatkan kemahiran dan tahap profesionalisme;



Rangkaian Kordinasi Bersama Agensi Tempatan

- ➔ Meningkatkan kapasiti dan memperbaikkan rangkaian kordinasi bersama agensi-agensi dan jabatan-jabatan di Negara Brunei Darussalam bagi memperkuatkan hubungan dengan sektor swasta dan/ atau sektor bukan kerajaan dalam menangani bencana melalui bantuan kemanusiaan maupun pengurusan risiko bencana;



Rangkaian Kerjasama Serantau Dan Antarabangsa

- ➔ Meningkatkan kapasiti dan memperbaikkan rangkaian kordinasi bersama agensi-agensi yang berkaitan dengan pengurusan bencana di rantau dan antarabangsa bagi Melaksanakan mandat Perintah Bencana Kebangsaan 2006, yang mana NDMC berperanan sebagai agensi utama yang menjadi penghubung dan perantaraan bagi Negara Brunei Darussalam dengan institusi/organisasi di rantau antarabangsa dari sudut pengurusan bencana.



39
tahan

Revolusi digital pemacu transformasi negara

DALAM era perkembangan teknologi digital yang begitu pesat, pelbagai ciptaan terbaharu mampu dihasilkan dengan cepat, sesuai dengan peredaran zaman bagi memudahkan kehidupan manusia. Ledakan teknologi Revolusi Industri 4.0 mampu melahirkan masyarakat yang mahir dalam menguasai teknologi sebagaimana hasrat negara untuk menjadikan sebuah negara yang maju menjelang 2035 dengan Rakyat Yang Berpendidikan Berkemahiran Berjaya; Rakyat Mempunyai Kehidupan yang Tinggi; dan Ekonomi Negara Yang Dinamik dan Berdaya Tahan. Revolusi Industri 4.0 yang dialami kini sangat memberi impak yang besar kepada sosioekonomi dan kebudayaan Negara Brunei Darussalam (NBD) namun setiap perancangan masih lagi berpaksikan kepada Melayu Islam Beraja.

Transformasi pendidikan digital

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia mengubah sistem pendidikan kebanyakan negara dan NBD tidak terkecuali terkesan dengan perubahan berkenaan apabila seluruh institusi pendidikan rendah, menengah dan institut pengajian tinggi terpaksa ditutup bagi mengekang pandemik berkenaan daripada menular dalam kalangan warga sekolah.

Oleh itu, bagi mengelakkan sistem pendidikan terjejas, Kementerian Pendidikan, Kementerian

Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil inisiatif dengan melaksanakan pembelajaran secara dalam talian selain menggunakan kaedah Home Learning Pack (HLP).

Pembelajaran secara dalam talian merupakan satu keperluan penting ketika negara menghadapi gangguan kesihatan global disebabkan oleh COVID-19 sehingga pertemuan secara bersemuka antara guru-guru dan pelajar digantikan secara dalam talian melalui aplikasi persidangan video seperti Zoom, Skype, MS Team, Google Hangout, WhatsApp, Google Meet dan pelbagai macam lagi.

Dengan mengaplikasikan penggunaan berkenaan secara tidak langsung menyokong sistem pembelajaran dalam normal baharu. Perkara ini juga turut ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Ke-10, Universiti Teknologi Brunei pada 5 September 2022.

"Menyentuh mengenai pandemik koronavirus, beta telah mendapat kesan positif pandemik terhadap transformasi digital di institusi-institusi pengajian tinggi kita, yang menyaksikan pembelajaran dan pengajaran telah dijalankan dalam talian secara sepenuhnya. Lalu berikutnya, kerajaan beta pun menyediakan infrastruktur internet jalur lebar yang pantas, untuk tujuan tersebut".

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenaan menekankan bahawa baginda amat mengambil serius dengan penyediaan pendidikan yang berkualiti dan holistik melalui pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan digital walaupun dalam keadaan pendidikan dunia cukup mencabar.

Sistem pembayaran digital

Sejak kebelakangan ini, sistem pembayaran secara dalam talian semakin menjadi pilihan orang ramai kerana ia mudah, cepat dan selamat. Ini dapat dilihat ketika berlakunya penularan COVID-19 dan



arah-an arahan untuk 'Teranah Di Rumah' serta penjarakan sosial sehingga menjadi memungkinkan kepada pertumbuhan pembayaran secara digital. Ini termasuk pembayaran yang dibuat melalui Internet dan saluran mudah alih.

Mengambil kira pembayaran secara dalam talian memerlukan sedikit atau tiada kontak atau tidak memerlukan sebarang interaksi fizikal, pembayaran secara digital adalah satu kaedah pembayaran yang dapat dipraktikkan kerana ia mengurangkan perjumpaan secara fizikal dan dapat menjaga keselamatan kewangan kita.

Di NBD, pelbagai jenis perkhidmatan dan platform pembayaran digital yang digunakan antaranya ialah terminal layan sendiri, seperti Automated Teller Machine (ATM) dan Cash Deposit Machine (CDM).

Selain itu juga, perbankan secara dalam talian seperti perbankan elektronik dan perbankan mudah alih selain pembayaran tanpa sentuh seperti pembayaran mudah alih (melalui kod QR), kad debit dan kredit, money transfer dan sebagainya.

Penggunaan telefon bimbit atau pembayaran tanpa sentuh membolehkan transaksi dibuat tanpa memegang atau membuat pertukaran wang secara fizikal. Melalui kaedah pembayaran berkenaan, orang ramai boleh membuat transaksi dengan mudah serta dapat memantau status kewangan demi mengelakkan daripada berbelanja secara berlebihan.

Pendigitalan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

PKS juga tidak ketinggalan terkesan akibat pandemik COVID-19 kerana sekatan yang berlaku semasa sekatan pergerakan yang dijalankan buat beberapa bulan menyebabkan penutupan gerai-gerai dan tamu-tamu sekali gus menyebabkan hasil produk mereka tidak dapat dipasarkan.

Namun dalam usaha untuk membantu PKS keluar daripada krisis ekonomi, pelbagai agensi tampil untuk membantu para peniaga menggunakan teknologi dalam aspek operasi perniagaan mereka. Digitalisation dalam perniagaan dapat membawa kemanfaatan kepada masa depan para peniaga serta para pengguna disebabkan oleh kemudahan dan kecekapan yang disebabkan oleh teknologi.


"Kita menyedari bahawa pelbagai usaha pemulihan ekonomi, kesan daripada wabak koronavirus adalah memerlukan langkah berhati-hati, termasuk dengan melonggarkan sekatan yang dahulunya menyebabkan kegiatan perekonomian terjejas. Dan sehubungan itu telah memaksa sektor awam dan swasta untuk menerapkan budaya penggunaan teknologi maklumat dalam kehidupan seharian. Ini menjadikan kita perlu mempercepatkan pengukuhkan Transformasi Digital bagi memastikan normal baharu dapat dilaksanakan dengan berkesan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-38 bagi Tahun 1443H / 2022M.

Kemajuan teknologi terkini banyak membantu PKS dalam menawarkan dan mempromosikan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan mereka kepada orang ramai kerana ia mudah diakses menerusi dalam talian kepada pasaran yang lebih besar dan

Keluaran Khas

PELITA BRUNEI
Al-Mulk Al-Khalq Al-Ummah

BN on the Move



20 Billion Steps Together



منجايان واسن نگار
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Jabatan Penerangan

luas sekali gus memperkenalkan produk buatan tempatan.

Aplikasi kesihatan digital

Menjaga kesihatan adalah sangat penting kerana ia mampu meningkatkan produktiviti kehidupan seseorang selain mampu menghindari penyakit dan masalah kesihatan. Dengan kesihatan yang terjaga, kita akan dapat hidup dengan selesa dan adalah disarankan supaya setiap masyarakat dapat memastikan amalan menjaga kesihatan.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha dalam membantu masyarakat negara ini dengan menerapkan inovasi dalam pemberian perkhidmatan dengan mengambil faedah daripada perkembangan teknologi perubatan dalam era Revolusi Industri 4.0.

"Kerajaan beta juga telah membuat pelaburan dalam penggunaan Artificial Intelligence, supaya orang ramai dapat membantu Kementerian Kesihatan bagi melaksanakan penjagaan kesihatan secara sistematis," Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada 13 April 2020.

Aplikasi BruHealth yang diperkenalkan pada 5 Mei 2020 terus dikemas kini dengan satu ciri promosi kesihatan baru, iaitu BN on The Move bertujuan untuk menggalakkan orang ramai menjadi lebih aktif dengan melakukan pelbagai aktiviti seperti berjalan kaki atau memperbanyak jumlah langkah kaki yang dilakukan setiap hari bagi mencegah atau mengawal pelbagai jenis penyakit tidak berjangkit.

Dengan adanya aplikasi berkenaan secara tidak langsung mengajak rakyat dan penduduk negara ini untuk bersama-sama keluar dengan lebih cergas dan sihat. Ini adalah sebahagian daripada komitmen untuk meningkatkan kesihatan orang ramai di peringkat negara, komuniti dan individu.

Kesimpulannya, Revolusi Industri 4.0 sememangnya banyak mendatangkan kebaikan sama ada dari segi pendidikan, ekonomi, kewangan dan kesihatan. Oleh itu, adalah disarankan agar masyarakat negara ini akan dapat memanfaatkan teknologi berkenaan dengan sebaiknya kerana banyak peluang untuk diterokai daripada perkembangan teknologi canggih di samping sama-sama dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035.

39
tahan



منجایا سکن واوسن نگارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Oleh : Dk. Naqayatul Akma
Pg. Haji Ali
Foto : Jabatan Penerangan

Menangani isu sosial negara

SU sosial ialah perkara yang mempengaruhi kebanyakan atau kesemuanya anggota masyarakat, baik secara langsung maupun tidak langsung, dan dianggap sebagai masalah, kontroversi yang berkaitan dengan nilai moral, atau kedua-duanya. Ia termasuk persoalan kemiskinan, keganasan, pencemaran, ketidakadilan, penindasan hak asasi manusia, diskriminasi, dan jenayah.

Gejala sosial dalam kalangan masyarakat terutama bangsa Melayu yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam telah banyak sekali diperkatakan. Pelbagai isu seperti sumbang mahram, penyalahgunaan dadah, jenayah curi dan rompak, pembuangan anak, keganasan rumah tangga dan sebagainya telah meningkat. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya gejala sosial adalah sikap individualistik masyarakat, pengaruh negatif media massa, kelalaian ibu bapa, perasan ingin tahu dan ingin mencuba, pengaruh rakan sebaya dan kurang didikan agama dan moral diri remaja.

Kelalaian ibu bapa boleh juga terjadi apabila ibu bapa lebih mementingkan pekerjaan mereka daripada anak atau keluarga mereka yang mana tidak mendapat kasih sayang yang secukupnya. Ini boleh terjadi dengan alasan untuk mendapatkan perhatian daripada ibu bapa mereka. Oleh itu, ibu bapa pula sebagai orang yang terdekat dengan remaja patut mendidik anak-anak mereka dengan contoh teladan yang baik serta mengasih dan meluangkan masa bersama anak-anak agar tidak timbul fenomena kebosanan dan kekosongan di hati remaja.

Manakala, ledakan teknologi maklumat yang dihasilkan oleh proses globalisasi telah membawa kemudahan bersamanya, namun pada masa yang sama ia juga memberikan cabaran dan impak yang hebat kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan

seharian. Banyak pengguna yang telah menjadi mangsa atas nama kecanggihan teknologi. Di akhir-akhir ini pelbagai lagi gejala-gejala sosial baru timbul terhasil dari media-media baharu seperti jenayah siber, penyelewengan akidah, pencerobohan identiti, penipuan, rogol dan gangguan seksual, penyebaran fitnah dan sebagainya.

Isu sosial di kalangan masyarakat

Isu sosial sering dipersoalkan terutama sekali berkaitan dengan alam keremajaan di mana kerajaan menganggap isu sosial remaja di tahap yang serius. Ini kerana remaja merupakan aset penting bagi sebuah negara yang akan menentukan kesinambungan kepimpinan dan kesejahteraan kualiti hidup negara ini.

"Tidak syak lagi para belia adalah komponen kritikal dalam usaha pembangunan negara, selaku 'stakeholder' yang dinamik. 'Acuan' yang tepat adalah diperlukan untuk menjadikan golongan belia lebih bersedia dalam memacu pembangunan negara". - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan kali Ke-17 pada 9 Ogos 2022.

Titah baginda ini menekankan bahawa belia merupakan aset negara dan juga pewaris yang bakal menjadi pemimpin dan memikul tanggungjawab untuk menerajui negara pada masa hadapan.

Baginda juga turut bertitah sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2023, "Dalam memulakan tahun 2023, semua lapisan rakyat dan penduduk perlu bertekad untuk menjalani kehidupan bersih tanpa digangu oleh gejala-gejala buruk seperti rasuah, pecah amanah, menyalahgunakan kuasa dan menagih dadah. Jika ini dapat dihindari, bererti satu kelebihan bagi Brunei".

Titah baginda mengajak masyarakat terutama kepada para belia untuk terus berjuang dan menjaga nama baik negara dalam apapun bentuk atau aktiviti masyarakat. Apapun yang dilakukan perlulah berpaksikan kepada Melayu Islam Beraja dan tidak meminggirkan ke tepi calak kebruneian.

Kompleks Rumah-Rumah Kebajikan

Dalam usaha menjadikan sebuah pusat pemulihan dan perlindungan yang cemerlang di negara ini, Kompleks Rumah Kebajikan, Kampung Belimbang di bawah Bahagian Pemulihan dan Perlindungan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) ditubuhkan bagi melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan keberkesanannya dan kualiti perkhidmatan institusi berkenaan.

Pada tahun 1982, Kompleks Rumah-Rumah Kebajikan ditubuhkan dan ia merupakan institusi kerajaan yang dijadikan tempat perlindungan dan penjagaan sementara bagi individu yang menghadapi masalah sosial dan memberikan pemulihan dan bimbingan serta latihan kepada para remaja yang bermasalah agar menjadi individu yang berdisiplin serta berdaya maju sejarah dengan Wawasan Brunei 2035 iaitu Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran

Tinggi dan Berjaya; Rakyat yang mempunyai Kualiti Kehidupan yang Tinggi dan Ekonomi Negara yang Dinamik dan Berdayatahan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat boleh memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman betapa buruknya akhlak remaja yang melakukan gejala sosial. Didikan agama juga amat penting agar diri remaja mampu membezakan perkara yang baik dengan perkara yang buruk dengan menjadikan Internet dan media massa sebagai sumber yang baik. Oleh itu, setiap individu perlu berganding bahu dan memainkan peranan masing-masing dalam menangani isu-isu yang terjadi di negara ini. Masyarakat dari pelbagai latar belakang dan umur mampu dan boleh membantu kerajaan dalam menentang isu-isu sosial.



39
tahun

Negara menyokong keharmonian antarabangsa

PENGISYIHKAN kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 1 Januari 1984 dan penerimaan NBD sebagai ahli pertubuhan dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meletakannya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dan tampil di hadapan masyarakat dunia setaraf dengan negara-negara dunia yang lain tidak kira yang jauh lebih besar darinya.

Malah negara juga komited memastikan penduduk dunia dapat hidup aman damai yang mana negara terus bekerjasama dengan ahli-ahli PBB yang lain dan melaksanakan komitmen dan tanggungjawabnya bagi memastikan penduduk dunia dapat terus hidup dalam keadaan aman serta menikmati pembangunan dan kemajuan.

Perkara ini telah dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Peringkat Tinggi sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-75 PBB Bersatu pada Selasa, 22 September 2020 :

"Brunei Darussalam continues its pledge to work together with all member states and carry out our commitment and responsibilities, as well as pay our dues, to ensure that the world and its people will continue to live in peace, to develop and progress".

Titah baginda lagi, pertubuhan sejagat itu telah terlibat dan melaksanakan mandatnya secara aktif dalam perkara-perkara yang menjadi

perhatian signifikan kepada semua, pencapaian tersebut adalah bukti tentang kesungguhan negara-negara ahli dan badan-badan tertentu yang mahu PBB terus bergerak dan menjadikan dunia sebaik-baik tempat.

Baginda juga menekankan jika sejarah telah mengajar kita bahawa semua kejayaan tersebut tidak akan tercapai tanpa sokongan dan komitmen dari semua negara.

Baginda juga turut mengingatkan apabila keadaannya telah menjadi sukar disebabkan oleh politik, bukanlah dengan meninggalkan PBB, tetapi dengan bekerjasama dan berusaha memperoleh kesepakatan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Begitulah ketegasan yang dititahkan baginda menunjukkan negara mementingkan keamanan dan keharmonian melalui kerjasama dan kesepakatan.

Malah semasa dunia dilanda COVID-19, negara bersama-sama negara yang lain kekal dalam solidariti, dalam memulihkan dan menangani cabaran untuk keharmonian, keamanan dan kemakmuran.

Dasar hubungan antarabangsa

Dalam Titah Pemasyhoran Kemerdekaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah :

"... Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin dan limpah kornia Allah Subhanahu Wata'ala, akan selama-lamanya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Wal Jamaah dan dengan berdasarkan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala juga akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagian bagi ra'ayat beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atau dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dan champur tangan dari luar negeri"

Daripada kandungan titah pemasyhoran tersebut dalam bidang hubungan antarabangsa, negara adalah berlandaskan saling menghormati dan bebas dari campur tangan.

Sejak 39 tahun negara mencapai kemerdekaan, negara terus mengamalkan dasar luar yang positif dengan bersandarkan prinsip berbaik-baik, mutual respect, equality dan non-interference untuk memastikan matlamat-matlamat seperti kedaulatan dihormati dan kepentingan negara terus terpelihara.

Dasar ini setentunya tepat dan terbukti ia telah banyak menyumbang kepada keselamatan, kesejahteraan dan pembangunan berterusan negara. Pegangan kita ini juga berjaya meraih rasa hormat negara-negara lain kepada NBD

malahan sehingga kini negara kita telah menjalin hubungan diplomatik dengan 172 buah negara.

Menjalin hubungan diplomatik dengan beberapa negara sama ada di peringkat serantau maupun antarabangsa telah banyak memberikan manfaat kepada NBD.

Misalnya, negara telah menerima sumbangan vaksin COVID-19 dari negara-negara sahabat seperti Jepun, Australia, Republik Rakyat China, Singapura.

Dengan penubuhan hubungan diplomatik, negara telah berjaya memeterai banyak perjanjian kerjasama dan Memorandum Persefahaman yang mengukuhkan serta memperkembangkan kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang.

Begitulah cara negara kita menyokong dalam mencapai keharmonian antarabangsa. NBD juga lazimnya akan terus mengeratkan hubungan dengan negara sahabat, terus bekerjasama rapat yang sekian lama terjalin, terutama dalam isu-isu serantau juga antarabangsa, yang memberikan kepentingan bersama.

Pada Khamis, 15 Disember 2022, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama pemimpin ASEAN dan E.U menghadiri Sesi Plenari yang mana perbincangan tertumpu kepada hala tuju Hubungan Dialog ASEAN-E.U serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Semasa sesi tersebut, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah, di mana menurut baginda, dalam menggerakkan Strategic Partnership antara ASEAN dan E.U ke hadapan, bahawa tumpuan juga harus diberikan kepada cabaran semasa yang mendesak iaitu perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan kemasuhan hutan, yang telah menyumbang kepada corak cuaca ekstrem yang berterusan, kehilangan air yang selamat untuk diminum, pencemaran udara dan kerosotan alam sekitar. Baginda juga menggariskan kepentingan untuk mengubah sistem makanan dunia bagi mengelakkan pembaziran dan kerugian makanan.

Melalui titah tersebut, menunjukkan negara menitikberatkan keharmonian antarabangsa dan peka dengan keperluan-keperluan masyarakat sejagat dan beberapa isu-isu yang turut menjadi keimbangan antarabangsa.

Bantuan kemanusiaan

Negara sememangnya tidak camah mata terhadap negara-negara sahabat yang telah dilanda musibah. Ini dapat dilihat melalui penghantaran perutusan-perutusan takziah pada menzahirkan rasa dukacita negara dan seterusnya mendoakan kesejahteraan negara sahabat.

Misalnya pada Sabtu, 17 Disember 2022, Kebawah DYMM telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim berikut



منجايان واؤسن نگارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2023

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

dengan kejadian tanah runtuhan di Batang Kali, Selangor.

Malah negara juga berbesar hati membawa pulang rakyat Malaysia bersama-sama rakyat Brunei yang terkandas di Mesir pada 29 Mac 2020.

Pada Khamis, 12 Julai 2018, Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Bangladesh, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Masurai binti Haji Masri telah menyerahkan sumbangan bantuan kemanusiaan NBD bagi Hospital Medan Kerajaan Malaysia di Cox's Bazar, Bangladesh.

Selain itu negara juga lazimnya akan menubuhkan tabung bantuan kemanusiaan bagi membantu negara-negara sahabat yang dilanda musibah seperti Tabung Kemanusiaan Palestin, Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan, Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi dan sebagainya. Pembukaan tabung seperti ini secara tidak langsung menglibatkan rakyat untuk sama-sama prihatin dengan nasib masyarakat antarabangsa.

Pada bulan Oktober 2022, seramai 30 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah pun berjaya diatur gerak ke Lubnan bagi meneruskan misi MALBATT 850-10 UNIFIL.

ABDB juga telah turut serta dalam misi pengamanan UNIFIL sejak tahun 2008 untuk menyelaraskan dan mempertahankan kepentingan NBD dalam mengekalkan tiga tonggak utama PBB iaitu keamanan dan keselamatan, hak asasi manusia dan pembangunan.

ABDB tetap komited untuk menyumbang kepada keamanan dan kestabilan rantau serta antarabangsa, sebagai sebahagian daripada komitmen ke arah keamanan dan kestabilan global.

Penglibatan negara dalam misi bantuan kemanusiaan yang telah dilakukan pada peringkat antarabangsa seperti ini adalah tanda solidariti serta semangat keharmonian yang ditunjukkan oleh negara pada peringkat antarabangsa.

Semangat keharmonian ini pastinya meninggalkan kesan yang mendalam terhadap mereka yang telah dibantu. Semangat inilah yang diharap berkekalan agar nilai persaudaraan bersama negara sahabat terus kukuh.



39
tahan



منجایاکن واوسن نکارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 FEBRUARI 2023

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

Belia aktif, inovatif, berwawasan mendepani cabaran

MEMPUNYAI rakyat yang mampu menyumbang ke arah kemajuan, kejayaan dan keamanan adalah harapan bagi setiap negara. Semua itu hanya dapat dicapai dan diperoleh jika rakyat negara itu mempunyai sifat-sifat atau jati diri yang unggul dan cemerlang, baik melalui generasi muda belia maupun generasi tua. Adalah menjadi harapan setiap negara untuk mempunyai belia yang berkualiti dan cemerlang hingga mampu membawa negara bergerak ke hadapan dengan lebih maju dan berjaya. Belia yang cemerlang akan melahirkan masyarakat, bangsa dan negara yang mantap dan kukuh.

Golongan belia memainkan peranan yang sangat signifikan terhadap pembangunan negara serta kemajuan negara. Masa muda adalah peluang terbaik untuk memanfaatkan usia dan masa iaitu dengan memperlengkapsing diri dengan asas keimanan yang kukuh serta menimba ilmu pengetahuan bagi menghadapi masa depan yang penuh dengan cabaran. Para belia yang aktif, dinamik, komited, kreatif dan inovatif serta berani menghadapi apa jua cabaran dan rintangan mampu menjadi harapan bangsa dan merupakan komponen utama yang memainkan peranan penting di dalam merealisasikan apa jua hasrat dan aspirasi negara ke arah mencapai matlamat dan wawasan 2035.

Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)
PKBN adalah sebuah aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menjadi suatu keperluan bagi negara untuk melahirkan belia cemerlang. Ianya selaras dengan matlamat Dasar Belia Negara untuk mewujudkan belia yang lebih bertanggungjawab dan berdisiplin.

Selain daripada mewujudkan belia Brunei yang cemerlang, tujuan program ini diadakan untuk meningkatkan semangat patriotik berilizam dan berdaya tahan para belia serta memupuk rasa dan cintakan perpaduan sesama mereka. Dengan adanya program ini juga, negara berharap dapat melahirkan belia yang beriman, bertakwa, bertanggungjawab, cekal, cergas dan penuh keyakinan diri. Selain itu, PKBN juga berhasrat dapat membentuk perwatakan yang positif dan mempunyai semangat kesukarelaan di kalangan para belia. Oleh sebab itu, program ini juga akan membantu para belia untuk hidup mandiri dan aktif dalam melakukan aktiviti-aktiviti lasak sekali gus menjadi insan yang berkualiti, gigih dan berani tampil untuk berbakti kepada

bangsa dan negara. Program ini juga mengajarkan para belia untuk mementingkan disiplin dan komitmen dalam diri mereka serta menunjukkan semangat waja, berdedikasi dan tahan lasak sehingga meraih kecemerlangan yang akan menjadi satu pencapaian yang akan membanggakan bukan sahaja kepada diri mereka malah juga kepada keluarga.

Oleh itu, diharap akan lebih ramai belia di negara ini akan terpanggil untuk tampil ke hadapan menyertai program ini dalam bersama-sama menjunjung tinggi dan menanai hasrat murni serta pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi merealisasikan tujuan dan objektif penubuhan PKBN.

Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT)

KKBT merupakan salah sebuah kelab belia yang baharu dan ditubuhkan pada tahun 2017 yang bermatlamat untuk mendukung sekali gus menjayakan Wawasan Brunei 2035. Golongan belia diseru untuk sentiasa proaktif dalam menggerakkan serta memacu negara ke tahap yang

dihadiratkan serta peranan belia dalam memperluaskan transformasi Negara Brunei Darussalam khususnya. Penglibatan golongan belia secara aktif dalam aktiviti kumpulan sudah tentu akan dapat mempertingkatkan potensi diri menerusi ilmu berpasukan dan kepimpinan, pendedahan, pengalaman dan mampu membina jaringan komunikasi antara belia atau persatuan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Belia-belia masa kini dikehendaki supaya lebih kreatif dan inovatif dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Para belia perlu berfikir secara luas dan percaya bahawa di negara ini mereka mampu untuk mencapai potensi untuk pergi lebih jauh. Pembangunan jati diri dalam kalangan para belia juga adalah mustahak. Mereka perlu merebut peluang yang ada kerana di negara ini banyak bidang yang dapat diterokai. Contohnya menceburkan diri dalam dunia keusahawanan. Banyak para belia yang kini dilihat membuka perniagaan sendiri sama ada ianya perniagaan kecil maupun besar. Dengan ini, mereka akan sedikit sebanyak membantu menaikkan lagi ekonomi negara dan juga memberikan peluang pekerjaan kepada para belia yang lain. Selain itu, memberikan inspirasi dan mengalakkkan para belia yang lain untuk mencuba menceburkan diri yang memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga dan juga negara.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-17 pada Selasa, 11 Muarram 1444 bersamaan dengan 9 Ogos 2022 yang antara lain bertitah baginda melahirkan rasa sangat gembira mengetahui golongan para belia kini menunjukkan pencapaian prestasi membanggakan, sama ada peringkat kebangsaan maupun di peringkat serantau dan antarabangsa. Misalnya dari sudut pertumbuhan ekonomi, hasil produk usahawan belia telah melangkaui jauh sehingga ke peringkat luar negara, khususnya dalam bidang teknologi komunikasi, pembangunan aplikasi pintar dan perisian (software), agri-bisnes, tekstil dan kreatif. Baginda juga mengalu-alukan kiranya lebih ramai lagi para usahawan belia menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, sebagai usaha memperkasa ekonomi negara.



39
tahun



منجایاکن واوسن نکارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 FEBRUARI 2023

Sambutan Ulang Tahun 39 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Warga Jabatan Penerangan Mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39

